

**Inovasi Mampu Tingkat Kualiti Produk Dan Perkhidmatan
Bernama
11 Mei, 2012**

IPOH, 11 Mei (Bernama) -- Inovasi bukan sedar sains dan teknologi tetapi mampu meningkatkan kualiti produk, produktiviti dan perkhidmatan dalam kehidupan seharian, kata Ketua Pegawai Eksekutif Agensi Inovasi Malaysia (AIM) Mark Rozario.

Beliau berkata oleh itu semua pihak mestilah menanamkan sikap berinovasi dalam berfikir, berfikiran terbuka, dinamik, dan sentiasa kreatif.

Katanya inovasi yang dihasilkan boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi yang berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi positif kepada amalan sedia ada.

"Rakyat Malaysia perlu sedar bahawa inovasi bukan sekadar sains dan teknologi, atau dimonopoli oleh segelintir golongan intelek sahaja. Inovasi dalam erti kata sebenar merangkumi semua aspek kehidupan," katanya berucap pada majlis perasmian Ekspo Inovasi Malaysia 2012 di sini pada Jumaat.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=665414>